

# Kerja keras sekian lama berbaloi

BERITA HARIAN 10/3/2017 P-54

**Kuala Lumpur:** Wanita terpanas Malaysia, Zaidatul Husniah Zulkifli mengakui teruja selepas kerja kerasnya sejak sekian lama untuk meleburkan rekod kebangsaan acara 100 meter (m) milik bekas ratu pecut negara, G Shanti akhirnya tercapai.

Atlet berusia 24 tahun yang beraksi di Sukan Olimpik Rio, Brazil 2016 itu merakamkan 11.45 saat (s) pada Kejohanan ASA Speed Series 2, Bloemfontein, Afrika Selatan, pagi tadi, sekali gus memadamkan catatan 11.50s yang dicipta Shanti dalam Kejohanan Pra Sukan SEA Kuala Lumpur pada 7 Mei 1993.

Menerusi laman sosial Instagram miliknya yang menggunakan nama 'adeqpitcher', Zaidatul Husniah turut mengucapkan terima kasih kepada jurulatih, M Balamurugan, jurulatih di Afrika Selatan, Morne Nagel, kakak kembar, Zaidatul Husna Zulkifli,


ibu bapa dan rakan atlet.

## Rekod peribadi terbaik

"Alhamdulillah, selesai perlumbaan pada hari ini. Selepas sekian lama akhirnya berjaya memperbaharui rekod peribadi terbaik dan memecahkan rekod kebangsaan dipegang G Shanti 11.5s. sejak 1993.

"Tahniah juga diucapkan kepada rakan sepasukan kerana melakukan yang terbaik juga. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada jurulatih, M Balamurugan kerana sentiasa memberikan sokongan kepada saya, dan juga kepada jurulatih Morne, yang melatih kami di sini (Afrika Selatan) dan memberikan pengalaman baharu.

"Di samping itu, terima kasih kepada ibu bapa terutamanya ayah saya yang sentiasa memberikan sokongan dan kembar aya juga @usnazulkifli kerana sentiasa bersama saya."



Zaidatul bangga cipta rekod baharu 100m wanita.